

Isu UM: Shahrizat sokong keputusan PM

KUALA LUMPUR 16 Jun — Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil menyokong penuh tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mahu Universiti Malaya (UM) dikekalkan di tempat asalnya di Lembah Pantai di sini.

“Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Perdana Menteri yang bertegas dalam memastikan Universiti Malaya tidak jatuh ke tangan pihak yang mempunyai kepentingan perniagaan,” katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau yang juga Alumni UM menegaskan, tidak semua per-

kara dalam hidup ini boleh dibeli dengan wang ringgit termasuklah UM.

Katanya, universiti tertua dan terulung negara itu mempunyai nilainya yang tersendiri dan perlu dikekalkan di tapak asalnya sampai bila-bila.

Perdana Menteri hari ini menegaskan, kampus UM tetap kekal di Lembah Pantai dan tidak akan dipindahkan ke mana-mana tempat lain.

Semalam, Profesor Diraja Ungku Aziz melahirkan rasa marah dan kesal dengan cadangan sebuah syarikat hartanah untuk membeli dan membangunkan tapak UM dan menganggap cadangan itu sebagai sesuatu ‘gila’ dan ‘kurang ajar’.